

# Pelajar digalakkan se

Program motivasi dan kecemerlangan diri mampu memantapkan lagi diri pelajar

**AHMAD SIPON**  
Ketua Pengarah  
Pelajaran

**NILAI** 4 Jun - Golongan pelajar perlu digalakkan menyertai program motivasi kerana ia mampu meningkatkan kesedaran terhadap potensi diri masing-masing.

Selain itu menurut Ketua Pengarah Pelajaran, Datuk Ahamad Sipon program seumpama itu mampu menyemai sikap positif, bertanggungjawab terhadap keluarga, guru serta masa depan.

"Oleh itu pihak sekolah diharap dapat memberi kerjasama dengan menyokong pusat pengajian tinggi awam menjayakan program seumpama itu," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan Klinik Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) II anjuran *Utusan Malaysia* dan Kolej Universiti Islam Malaysia di sini, hari ini.

Turut hadir Timbalan Rektor KUIM, Prof. Dr. Mohammad Alias dan Ketua Unit Pendidikan *Utusan Malaysia*, Wahid Hashim.

Sambil menyifatkan program motivasi yang diadakan harus dicontohi oleh institusi pengajian tinggi lain, Ahamad berkata, program berkenaan akan mencapai matlamat asalnya iaitu memastikan kecemerlangan pelajar.

"Modul yang seimbang dan menyeluruh dari segi akademik dan pembangunan sahsiah

diri boleh didapati menerusi program ini.

"Saya menyeru semua pihak bersama berganding bahu dalam memastikan pembangunan modal insan seperti yang disebut oleh Perdana Menteri tercapai," katanya.

Ahamad berkata, beliau yakin semua ibu bapa sudah pasti tidak mahu melihat anak-anak mereka hanya cemerlang dalam bidang akademik sahaja tetapi gagal dalam melayari serta mengemudi perjalanan kehidupan mereka sendiri.

"Program motivasi dan kecemerlangan diri mampu memantapkan lagi diri pelajar. Ini kerana semangat jati diri amat penting untuk mereka membina dan mewujudkan serta mengekalkan semangat belajar secara berterusan.

"Selain itu konsep jati diri juga memupuk semangat kejituan yang amat tinggi dalam diri pelajar supaya mereka mampu menghadapi segala bentuk cabaran pada masa kini dan akan datang," katanya.

Sementara itu, Wahid berkata, sepanjang program itu pelajar akan didedahkan dengan pelbagai aktiviti selaras dengan hasrat Falsafah Pendidikan Negara.

Katanya, aktiviti yang diadakan ialah strategi menjawab soalan, motivasi diri, ceramah bimbingan kerjaya dan aktiviti riadah.

# ertai program motivasi



DR. Ahamad Sipon (tengah) bersama para pelajar selepas merasmikan Klinik SPM 2006 di Kolej Universiti Islam Malaysia, Nilai, Negeri Sembilan, semalam.